



UCAPAN ALUAN

**PUAN NORLIN BT JAAFAR
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT
NEGERI SARAWAK TAHUN 2019**

**Pada 11 November 2019 (Isnin)
DI DEWAN SANTAPAN, DEWAN UNDANGAN NEGERI, SARAWAK**

(Salutations)

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Terlebih dahulu saya rasa bersyukur kerana kita dapat kita berkumpul di Majlis Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019 pada hari ini.
4. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak di atas

kesudian beliau untuk hadir merasmikan majlis kita pada hari ini. Terima kasih juga kepada semua yang sudi hadir meluangkan masa bagi memeriahkan lagi majlis kita ini.

5. Tidak ketinggalan di sini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan, tahniah dan terima kasih saya dan Jabatan Alam Sekitar kepada Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB), pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Perubahan Iklim Dan Alam Sekitar (MESTECC), dan Rakan Strategik Jabatan Alam Sekitar dalam pelaksanaan program-program alam sekitar, semua ahli Jawatankuasa Kerja dan semua agensi-agensi yang memberikan sokongan padu dalam menjayakan majlis ini.

Tema dan aktiviti Hari Alam Sekitar Negara (HASN)

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan

6. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) peringkat kebangsaan diadakan pada 21 Oktober setiap tahun oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pelbagai jabatan/ agensi/ rakan strategik yang berkaitan. Sambutan HASN adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

7. Tema sambutan HASN tahun ini dikekalkan seperti tahun sebelum ini iaitu “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama” dan slogan “Hindari Plastik Sekali Guna”. Sambutan HASN menyasarkan penglibatan yang terdiri dari agensi kerajaan, rakan strategik alam sekitar, sektor swasta, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah, sektor industri, badan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat dan yang paling penting, orang awam.
8. Sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak demi untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat. Pada 27 hingga 29 September 2019, program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) telah diadakan dengan kerjasama PETRONAS Carigali Sdn Bhd (Sarawak Gas) di Samalaju Resort Hotel, Bintulu. Program ini melibatkan murid-murid dan guru dari 4 buah sekolah di sekitar Bintulu iaitu SMK Baru, SMK Kidurong, SMK Bintulu dan SMK Sebauh.
9. Pada 4 hingga 5 Oktober 2019 yang lalu, program Rakan Saintis Sungai (RSS) telah diadakan di Sumiran Ecocamp & Training Centre dan Loji Rawatan Air Batu Kitang dengan kerjasama Chemical Company Of Malaysia Bhd dan agensi-agensi lain seperti Lembaga Air Kuching (KWB), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (SRB) dan World Wide Fund For Nature (WWF).

10. Program RSS ini melibatkan murid-murid dan guru dari 5 buah sekolah di sekitar Kuching iaitu SMK St. Thomas, SMK St. Mary, SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, SMK Batu Lintang dan SMK Pending. Pelbagai aktiviti telah dijalankan dalam program-program ini di antaranya ceramah alam sekitar, kuiz alam sekitar, permainan alam sekitar, tayangan video, demonstrasi peralatan pengukuran kualiti air, lawatan sambil belajar dan perbincangan berta pertandingan berkumpulan bertemakan alam sekitar.
11. Seterusnya pada 26 Oktober 2019 pula, program Program *Battle Of The Ecogreenmusicvibes* dan *Battle Of The Ecogreenaerobathon* telah diadakan di The Summer Shopping Mall, Kota Samarahan yang menekankan penggunaan bahan kitar semula atau barangan terpakai yang diubahsuai sebagai peralatan muzik, lirik dan kostum bertemakan alam sekitar.
12. Program pengumpulan sisa elektrik dan elektronik isi rumah atau *Household E-waste Take Back Programme* turut diadakan yang mana para pengunjung boleh menjual sisa sisa elektrik dan elektronik kepada syarikat berlesen yang telah dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar. Selain itu, aktiviti *plogging* yang merupakan kombinasi aktiviti jogging dan mengutip sampah juga turut dijalankan bersama pelajar-pelajar dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan

13. Untuk makluman, Objektif Sambutan Hari Alam Sekitar pada setiap tahun adalah untuk:
 - i. Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas;
 - ii. Menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar;
 - iii. Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
 - iv. Membudaya dan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan

14. Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman Plastik telah dilancarkan pada tahun 2018 sejajar dengan inisiatif kami di Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk menangani plastik sekali guna ini dengan menggalakkan industri plastik untuk beralih kepada produk yang mesra alam. Ini akan memastikan industri dapat terus berkembang dengan mengadaptasi teknologi hijau, dan pada masa yang sama dapat memelihara alam sekitar.

15. *The Journal of Science* 2015 melaporkan tentang hasil kajian ke atas 192 negara yang bersempadan dengan laut pada tahun 2010 mendapati 275 juta tan plastik dihasilkan. Dari jumlah ini sebanyak 99.5 tan sisa plastik mencemari pantai, 31.9 juta tan sisa plastik tidak diuruskan dengan baik dan dianggarkan 4.8 hingga 12.7 juta tan memasuki laut. Ini merupakan jumlah yang besar. Sekiranya keadaan ini tidak dikawal, pencemaran laut oleh plastik akan terus meningkat secara drastik dan menjejaskan ekosistem laut.
16. Sehubungan itu, bersempena Majlis Sambutan HASN 2019 ini, marilah kita mengambil inisiatif untuk mempromosikan kempen ini dengan mewar-warkan kempen ini ke arah mencapai kelestarian alam sekitar. Usaha ini mungkin kecil tetapi akan memberi impak yang cukup besar kepada pewaris pemacu nsegara pada masa akan datang kerana acuan hari ini penentu kepimpinan pada hari esok.

Aktiviti Pengumpulan 'Household E-Waste' iaitu Buangan Elektrikal Dan Elektronik

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan

17. Aktiviti pengumpulan 'household e-waste' iaitu buangan elektrikal dan elektronik yang telah rosak/ tidak berfungsi, yang tidak digunakan lagi dan perlu dilupuskan adalah salah satu acara yang turut dijalankan semasa Sambutan Hari Alam Sekitar tahun ini.
18. Jabatan Alam Sekitar telah mula melaksanakan aktiviti ini sejak tahun 2013 lagi. Objektif Program Pengumpulan *Household e-waste* tersebut adalah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran orang awam akan tanggungjawab terhadap buangan e-waste dari isi rumah yang dimiliki.
 - ii. Memastikan e-waste yang terkumpul dari isi rumah dikendalikan oleh kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar secara selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar; dan
 - iii. Mewujudkan jaringan kerjasama bersama semua lapisan masyarakat dan pihak berkepentingan dalam pengendalian e-waste dari isi rumah.
19. Antara contoh 'household e-waste' yang diterima adalah televisyen, penyaman udara, mesin basuh, peti sejuk, komputer, telefon bimbit dan peralatan kecil seperti radio and sistem audio, pemain DVD/VCD, kamera digital, kamera video, pencetak, pengimbas, mesin faks, modem and router, periuk nasi, ketuhar gelombang elektrik, cerek elektrik, pengisar, kipas, seterika, penyedut hampagas, pengering rambut, pemanas air **tidak termasuk** lampu kalimantang dan bateri.

Hadirin yang dihormati...

20. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk semua pihak yang terlibat menyertai semua program dan acara yang telah diatitkan dalam sempena Hari Alam Sekitar Negara 2019 peringkat Negeri Sarawak. Harapan saya agar kita dapat bersama-sama menjaga kesejahteraan dan

kelestarian alam sekitar kerana hanya adalah Anugerah Tuhan yang perlu kita hargai dan bersama memuliharanya.

21. Marilah kita bersama menjalankan tanggungjawab kita untuk memelihara alam sekitar. Justeru itu, kita perlu memikirkan langkah-langkah yang terbaik yang boleh dilakukan dalam menangani permasalahan alam sekitar agar kesihatan dan kualiti persekitaran kita akan menjadi lebih baik untuk kesejahteraan generasi kini dan generasi akan datang.

Akhir kata Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.